

**MIC Cadang Kerajaan Tubuh Lembaga Pemberdayaan Ekonomi India
Bernama
31 Julai, 2011**

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Perhimpunan Agung Tahunan MIC Ke-65 yang berakhir di sini mahu kerajaan menubuhkan Lembaga Pemberdayaan Ekonomi India (LPEI) di bawah Kementerian Kewangan.

Ia bertujuan merancang dan merangka tindakan jelas bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi kaum India.

Ini adalah antara sembilan resolusi yang diluluskan di perhimpunan dua hari itu yang bermula semalam, merangkumi politik, hal ehwal kerajaan, pendidikan, sosial dan ekonomi.

Usul itu dibuat berikutan kedudukan kaum India yang dikatakan masih jauh ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi, sementara kaedah pemberian peruntukan secara ad-hoc tidak dapat mencapai sasaran yang diharapkan.

Ini selain mewujudkan satu mekanisme khas bagi membantu golongan miskin kritikal untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

Perhimpunan itu juga turut meluluskan sebulat suara usul menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan juga Datuk G Palanivel sebagai Presiden MIC.

Dari segi pendidikan, MIC mahu kerajaan memberi perhatian serius dalam penyediaan kemudahan pendidikan pra-sekolah di sekurang-kurangnya 87 peratus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK (T)) di seluruh negara memandangkan kini, hanya 18.7 peratus sahaja SRJK (T) mempunyai kemudahan tersebut.

Cadangan itu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri bahawa pendidikan pra-sekolah menjadi komponen yang penting dalam sistem pendidikan nasional.

Bagi isu sosial pula, parti itu turut meluluskan usul meminta kerajaan menawarkan lebih banyak kursus latihan dan kemahiran dalam bentuk geran kepada kaum itu memandangkan mereka masih jauh ketinggalan dalam pelbagai sektor.

MIC juga mahu kerajaan mempertimbang dan meluluskan permohonan permastautin tetap yang telah berada di negara ini sebelum Merdeka, diberikan kewarganegaraan secara automatik.

Bagi pemastautin tetap yang lahir selepas Merdeka dan masih berada dalam kategori "stateless", MIC juga meminta kerajaan memberikan golongan ini taraf kewarganegaraan.

-- BERNAMA